

11 MAR 1997

MAHATHIR : SIASATAN MENYELURUH TERHADAP NAHAS BABITKAN YAHAYA

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata siasatan menyeluruh akan dijalankan berhubung nahas helikopter yang menyebabkan kematian usahawan terkemuka Tan Sri Yahaya Ahmad.

"Pihak berkuasa akan mencari punca kemalangan itu," kata Perdana Menteri apabila ditanya mengenai nahas itu yang telah menyebabkan kematian Yahaya, isterinya Puan Sri Rohana Othman dan juruterbang Mejar (B) Azlizan Abdul Manas pada 3 Mac.

Helikopter Agusta 109E milik Gadek Aviation yang sedang dalam penerbangan membawa mereka untuk menziarahi ibu Yahaya yang sedang sakit di Kuala Terengganu terhempas di Kampung Atong, Kuala Lipis, Pahang.

Ketika ditanya sama ada terdapat kemungkinan perbuatan khianat, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak nampak sebab mengapa sesiapa ingin mengkhianati pesawat itu. Mengapa orang mahu membunuh beliau."

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas memberikan taklimat kepada pemimpin Barisan Nasional tentang Koridor Raya Multimedia (MSC) dan masalah sosial remaja.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin serta anggota parlimen dan ahli dewan undangan negeri BN hadir di Pusat Dagangan Dunia Putra untuk mendengar taklimat itu. -- BERNAMA

HS AFY RI MAI